



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AMARAN PENANAMAN GUARANA, LOKAL, HM -13	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	TIGA LADANG BABI DI PERAK DIKESAN ASF, NASIONAL, SH -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	TANAM GANDUM SECARA AGRESIF, FORUM, UM -18	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	AGROBANK AND MSTAR SHARE THE BLESSINGS OF RAMADHAN, EVENTS, THE STAR -5	AGROBANK
5.	MAQIS SITA 27 TAN ORGAN KERBAU BERNILAI RM262,079, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8. 9. 10	TERUJA LIHAT GUGUSAN ANGGUR DI LAMAN, NEGERI PAHANG, SH -24 SOLUSI JANGKA PANJANG KAWAL HARGA AYAM, MEMO PEMBACA, HAKAH -F5 CHINA INSTITUTE LAUNCHES CERTIFICATION FOR MALAYSIAN DURIAN, SUNBIZ, THE SUN -11 'EXPLORE ALTERNATIVES TO GRAIN CORN', NEWS/NATION, NST -2 KERAJAAN PERLU PANTAU HARGA AYAM PERINGKAT PEMBORONG, NASIONAL, HAKAH -H3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/4/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

18

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@bmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jangan sesekali cuba menanam pokok guarana berasal dari Brazil kerana penalti sehingga 10 juta real Brazil (RM7.7 juta) boleh dikenakan terhadap pihak yang melakukannya.

Jabatan Pertanian Malaysia Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam kenyataan semalam memaklumkan, larangan itu adalah termaktub di bawah undang-undang Brazil (*Access and Benefits Sharing of Genetic Resources and Associated Traditional Knowledge*).

Menurutnya, kerajaan Malaysia, jabatan, agensi, mana-mana syarikat atau individu yang menanam guarana adalah berisiko dikenakan tindakan perundangan oleh Kerajaan Brazil sekiranya tanaman ini dibikinkan atau dikomersialkan daripada biji benih yang dibawa masuk secara tidak sah.

"Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan amaran, sita dan penalti sehingga R\$10 juta (RM 7.7 juta).

PENALTI SEHINGGA RM7.7 JUTA

Amaran penanam guarana!



POKOK guarana berasal dari Amazon yang dilarang ditanam di negara ini.

"Ketika ini Jabatan Pertanian Malaysia sudah dimaklumkan oleh *Ministry of Agriculture Livestock and Food Supply* (Mapa) Brazil, melalui surat rasmi bertarikh 8 Januari 2020 bahawa negara Brazil hanya membenarkan pengeksportan buah guarana bagi tujuan pemprosesan dan makanan manusia sahaja.

"Berdasarkan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturanan Kuarantin

Tumbuhan 1981, pengimportan tumbuhan dari negara berisiko tinggi yang endemik kepada penyakit *South American Leaf Blight* (SALB) iaitu oleh kulat *Microcyclops ulei* ke- pada tanaman Hevea adalah dilarang, kecuali bagi tujuan penyelidikan," katanya kenya-taan itu.

Guarana atau nama saintifiknya *Pavlovina cupana* adalah tanaman herba semula jadi di Lembah Amazon terutama di Brazil.

Lembah Amazon juga adalah kawasan penanaman getah dengan insiden serangan penyakit hawar daun Amerika Selatan (South American Leaf Blight, SALB) yang amat tinggi.

Spora SALB yang menjangkiti tanaman getah akan menyebabkan pertumbuhan pokok getah terganggu dan tidak dapat mengeluarkan hasil yang produktif.

Keadaan ini boleh melumpuhkan industri getah ne-

narkan petani atau usahawan melaksanakan projek penanaman guarana untuk dikomersialkan di negara ini.

"Ini adalah kerana sumber benih guarana yang dibawa masuk dalam negara ini secara haram untuk dikomersialkan adalah tidak sah dari sudut perundangan negara berdasarkan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturanan Kuarantin Tumbuhan 1981.

"Penanaman guarana di Malaysia adalah berisiko membawa penyakit baharu lain seperti *Colletotrichum guaranicola* yang hanya dilaporkan menyerang spesies guarana. Maklumat mengenai penyakit *C. guaranicola* adalah terhad dan akan menyukarkan kawalan dilakukan sekiranya serangan berlaku di Malaysia," kata kenyaataan itu semalam.

Sebelum ini tular dakwaan benih pokok ini dijual pada harga RM50 cuba diedarkan kepada petani di Sabah.

Sebanyak 990 ekor babi dilupuskan bagi mengelakkan jangkitan penyakit Demam Babi Afrika merebak

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Tiga ladang ternakan babi komersial di Perak dikesan berlaku jangkitan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) membabitkan sebanyak lebih 3,700 ekor babi.

Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, ladang ladang ternakan tersebut masing-masing satu di daerah Hilir Perak dan dua lagi di daerah Batang Padang.

“Setakat 10 April 2022, semua babi di ladang yang positif diambil tindakan pe-

lupusan segera untuk mengawal perubakan. Sehingga kini, 990 ekor babi telah dilupuskan dari ladang-ladang yang terlibat.

“Pemantauan, pemeriksaan dan pensampelan semua ladang babi di daerah Batang Padang dan Hilir Perak turut dijalankan sebagai langkah proaktif dalam mengawal perubakan,” katanya ketika sidang akhbar di pejabatnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Rabu.

Hadir sama pada sidang akhbar tersebut, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan.

Razman berkata, enam buah ladang ternakan babi yang berada dalam 5 kilometer radius dari ladang disah-

Tiga ladang babi di Perak dikesan ASF



Razman (kanan) dan Dr Ahmad Shafri menunjukkan warta Perintah Kawasan Dijangkiti, Kawasan Kawalan dan Pembasmian Penyakit ASF Negeri Perak selepas sidang akhbar di pejabatnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada Rabu.

kan positif turut dikuarantin untuk pemeriksaan lanjut.

Sementara itu, Dr Ahmad Shafri berkata, penularan jangkitan tersebut masih terkawal dan tidak

menjejaskan bekalan daging babi di pasaran.

Katanya, hanya tiga dari pada 95 ladang babi di Perak yang dikesan terdapat jangkitan penyakit tersebut.

Tanam gandum secara agresif

SAUDARA PENGARANG,

RUSIA dan Ukraine membekalkan kira-kira 30 peratus daripada jumlah eksport gandum dan 19 peratus eksport jagung di pasaran antarabangsa. Jika pengeluaran bijirin ini terjejas oleh peperangan dan sekatan ekonomi, maka kekurangan bahan itu akan menyebabkan peningkatan harga secara mendadak.

Walaupun Malaysia tidak mengimport gandum dan jagung secara terus dari Ukraine dan Rusia tetapi negara pengeluar lain sudah pasti akan menaikkan harga bijirin terbahit ekoran kekurangan bekalan global setelah berlaku konflik Rusia-Ukraine.

Penggunaan gandum di Malaysia yang diimport dari Australia, Amerika Syarikat dan Kanada pada 2021 adalah sebanyak 1.6 juta tan.

Kita juga mengimport 3.8 juta tan jagung setahun untuk dijadikan sebagai sumber penting dalam makanan haiwan ternakan. Pada masa ini, hampir semua jagung diimport dari Brazil dan Argentina manakala hanya 10 peratus daripada sumber tempatan.

Oleh itu, sudah sampai masa Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mencari varieti gandum yang sesuai ditanam di Malaysia.

Pusat Penyelidikan Pertanian Antarabangsa di Kawasan Kering (ICARDA) telah menghasilkan dua varieti gandum jenis 'durum' bernama Haby dan Amina yang boleh hidup di kawasan melebihi suhu 37 darjah Celsius. Gandum jenis ini berjaya ditanam di Senegal, Mauritania, Mali dan Guinea.

Kenapa MARDI tidak membawa masuk varieti gandum berkenaan bagi ditanam secara percubaan di Malaysia untuk dilihat ia boleh hidup atau tidak?

Dalam pada itu, aktiviti penanaman jagung di negara ini yang sudah berjalan perlu ditingkatkan lagi secara agresif. Jabatan Pertanian harus membuat kajian sama ada jagung boleh ditanam di antara pokok kelapa sawit di kebun-kebun milik penduduk.

Tanah kosong kerajaan dan yang dimiliki oleh syarikat milik kerajaan (GLC) termasuk tanah rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB) harus dipajak kepada petani untuk ditanam jagung.

MINAH KARAN
Kuala Lumpur



PENGGUNAAN gandum di Malaysia yang diimport dari Australia, Amerika Syarikat dan Kanada pada 2021 adalah sebanyak 1.6 juta tan.
- AFP

AGROBANK AND MSTAR SHARE THE BLESSINGS OF RAMADAN

UNDERGRADUATE students from Universiti Putra Malaysia's Agriculture Faculty were treated to a meal of tomato rice and *ayam masak merah* together with a pudding for dessert, to break fast at iftar.

For the second time Agrobank, the main sponsor of the Kongsi Nikmat Bersama Agrobank, stepped up to provide the boxed meal, working together with Universiti Putra Malaysia (UPM)'s Students Affairs Department and Star Media Group's (SMG) mStar. The students were also given goodie bags.

Agrobank president and chief executive officer Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said the meals for iftar were given to 200 B40 Muslim students of UPM's Agriculture Faculty.

"Being an annual event, the Kongsi Nikmat Bersama Agrobank programme gives the financial institution an opportunity to provide for the undergraduates," he said.

Ahmad Badli described the coming together of both organisations as the right fit as UPM was formerly an agricultural university while Agrobank, established in 1969, was actively involved in charting the growth and development of Malaysia's agricultural industry.

"Agrobank and UPM have a similar history of establishment. Agrobank started as Bank Pertanian Malaysia and UPM was initially known as Universiti Pertanian Malaysia, and subsequently grew into an institution that plays a major role in contributing to the progress and development of the country with its own mandate and expertise.



The Kongsi Nikmat Bersama Agrobank programme gives the financial institution an opportunity to provide for the undergraduates, says Ahmad Badli.

"I am very grateful to mStar for providing an opportunity for us to be together in corporate social responsibility (CSR) activities. This time it involved university students.

"This Kongsi Nikmat programme is held specially during the month of Ramadan with the aim of further expanding the reach of Agrobank's community services in providing contributions and assistance, especially to our target group - the unserved and underserved community.

"At Agrobank, we are committed to play our role as a responsible corporate citizen and deliver our social obligation, to be actively involved in various social and community programmes, which are not only specific to the agro community but also cover all aspects of social development including education, the local



Ahmad Badli (centre) at the Kongsi Nikmat Bersama Agrobank event that provided food for B40 Muslim students at UPM to break fast.

community and so on.

"I am also excited for the students of the Faculty of Agriculture this time, because along with our mandate we hope they can study well and play an important role in food security in Malaysia one day," he said.

Agrobank offers syarikh-compliant products and solutions across various customer segments, including corporate, commercial, consumer, trade finance and micro financing.

Agricultural Faculty Students

Society president Nor Hartziz, 25, said he was thankful for Agrobank's effort to reach out and provide for the students.

"I believe this charity event will also create a stronger bond between Agrobank and UPM's students," he said.

Student Irfan Habib, 26, appreciated the meal given and hoped that Agrobank and mStar will continue the annual event.

Second year student, Imran Junid, 21, said all the students were grateful for the generous

donation during the fasting month as it would help save on food expenses.

"Every little help for students on a tight budget is taken as a blessing," he added, thanking Agrobank and mStar for the initiative.

Present at the event were UPM deputy vice-chancellor (student affairs and alumni) Prof Dr Arifin Abdu, mStar chief news editor Nizam Abdullah and SMG client brand marketing general manager Juniza Yasmin Hussein.

Maqis sita 27 tan organ kerbau bernilai RM262,079

SEBERANG PERAI - Hampir 27 tan pelbagai organ kerbau sejuk beku dari India dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang semasa pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth di sini Sabtu lalu.

Pengarah Maqis negeri, Muhammad Ikram Abd. Talib, berkata, pihaknya menyita 2,516 kotak, mengandungi produk ruminan sejuk beku dari India seberat 26,988 kilogram (kg) selepas didapati menggunakan maklumat tidak tepat dan mengelirukan.

"Hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan diimport itu merupakan bahagian kerbau terdiri daripada 1,000 kg hock tendon, ekor (2,988 kg), hati (6,000 kg) dan jantung (17,000 kg).

"Kesemua produk berkenaan dianggarkan bernilai RM262,079.63 dan disita untuk tindakan selanjutnya," kata-

nya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati loji penyembelihan yang dinyatakan pada permit import Maqis berbeza dengan dokumen dan konsainan import.

"Ia juga didapati mengimport ekor kerbau dari loji yang tidak diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya.

Muhammad Ikram berkata, penggunaan maklumat tidak tepat dan mengelirukan akan disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar selain mematuhi syarat yang ditetapkan kerajaan," katanya.



SEBAHAGIAN produk daging kerbau sejuk beku yang dirampas di NBCT, Butterworth, Sabtu lalu.

Teruja lihat gugusan anggur di laman

Laman sebuah rumah yang ditanam anggur *jubilee* dan *ninel* sedang lebat mengeluarkan hasil

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

JERANTUT

Deretan gugusan anggur di laman sebuah rumah di Taman Seri Embun di sini berjaya mencuri tumpuan orang ramai.


Penanam anggur, Syed Norhaimi Syed Zin, 57, memberitahu, situasi tersebut berikutan beberapa pokok anggur jenis *jubilee* dan *ninel* yang ditanamnya kini sedang lebat mengeluarkan hasil.

Menurutnya, ada mereka yang sanggup datang dari luar Jerantut seperti Johor selepas mengetahui kisahnya dilaporkan *Sinar Harian* sebelum ini.

“Ada juga yang tidak tahu saya tanam anggur menyangka ia hanya plastik. Apabila dapat tahu ia adalah buah betul, mereka sangat teruja bergambar di kebun anggur milik saya.

“Saya jangkakan buah ini akan matang dan masak sepenuhnya pada Aidilfitri nanti,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Dalam pada itu, bekas kaki-



Syed Norhaimi bersama pokok anggur jenis *jubilee* yang sedang mengeluarkan hasilnya dan dijangka matang pada Aidilfitri nanti.

tangan Risda itu juga memberitahu, anggur itu menjadi pendapatan sampingannya susulan masyarakat mula tidak melepaskan peluang membeli anak pokok buah tersebut.

Syed Norhaimi mula mengusahakan tanaman anggur sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac 2020 lalu.

“Saya dapatkan anak pokok yang berasal dari Eropah dan kemudian tanam di sekeliling rumah dan menjual anak pokok pada harga RM100 hingga RM200 bergantung jenis varieti.

“Iklim Khatulistiwa menyebabkan anggur boleh mengeluarkan hasil lebih kerap berbanding iklim di Eropah hanya sekali untuk sepanjang tahun.

“Penanaman anggur tidak memerlukan kawasan luas selain boleh menentukan masa untuk keluaran hasil,” katanya.

Tambahnya, buat masa ini dia telah melakukan proses cantuman dan sedang menunggu masa beberapa bulan lagi untuk mengeluarkan hasil.

“Anggur memerlukan tempoh hingga lapan bulan untuk matang,” ujarnya.

Sebelum ini, Syed Norhaimi menanam anggur jenis masam, *wine grape* sejak 20 tahun lalu dan strawberi sebelum beralih arah memilih varieti *table grape*.

“Mungkin sambutan Aidilfitri nanti sedikit unik buat keluarga dan tetamu nanti kerana bakal merasai sendiri keenakan anggur yang ditanam saya,” jelasnya.

Solusi jangka panjang kawal harga ayam

Saudari Pengarang,

HARGA ayam yang melambung tinggi meskipun di bawah pemantauan penguatkuasa sebenarnya ia tidak akan pernah menyelesaikan kelompongan kenaikan harga ayam di pasaran. Yang dituding kesalahan oleh penguatkuasa bagaikan dijadikan sebagai kambing hitam seperti peniaga ayam dan pemborong. Hakikat sebenarnya, kawalan harga ayam bukan dari kerajaan tetapi pihak tertentu yang memonopoli bekalan ayam dan ternakan ayam.

Disebabkan ia dikawal oleh pihak tertentu, maka harga ayam menjadi bagai 'roller coaster' adakala harga naik, adakala turun. Itu semua matan harga oleh pihak tertentu.

Masalah ini terjadi setiap kali musim perayaan. Isu ini pasti menjadi perhatian tiap kali perayaan tiba. Ada yang kata bekalan tak cukup sebab ternakan ayam semakin berkurangan akibat harga dedak semakin mahal. Ini semua mengarat. Walhal penternak, mereka lebih tahu cara

alternatif untuk menggantikan makanan dedak ayam sebagai ganti makanan sampingan untuk ternakan ayam.

Misalnya menggunakan sisa makanan yang dibuang dan diproses untuk makanan ayam. Apabila tahun lepas, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) mengakui harga dedak ayam mahal, kemudian barulah mereka mahu mencucuk tanam tanaman jagung untuk dijadikan dedak, sebenarnya ia satu hal yang agak kelakar.

Adakah sebelum ini kerajaan tidak berusaha untuk melakukan sesuatu supaya harga ayam tidak memberi masalah kepada pengguna? Inilah suatu kepelikan yang selama ini saya fikir kerana kita telah berdepan dengan masalah harga ayam ini sudah lama.

Sebab itu saya katakan kawalan harga ayam ini dilakukan oleh pihak tertentu yang sebenarnya telah memonopoli sektor-sektor tertentu seperti makanan ayam.

Dengar kata saya sebelum ini kita import dedak daripada Thailand, apakah sebenarnya kita tidak mampu menghasilkan makanan

menjual ayam mentah. Jika mereka dikenakan saman, perlu pula bayar sampai ratus ringgit. Ini tidak adil sebenarnya.

Lebih baik ditumpukan kepada bekalan ayam di peringkat ladang yang dikhabarkan harga ayam naik mendadak kerana penternak mengeluh ayam banyak mati dan kos dedak ayam yang naik mendadak.

Penternak pula tuntutan kerajaan bagi subsidi untuk dedak ayam supaya mereka dapat kawal harga ayam. Saya tak fikir ini semua masalah daripada dedak ayam, mungkin juga ya tetapi saya tidak fikir ia seratus peratus akibat kenaikan harga dedak ayam.

Ini yang perlu diperhatikan oleh penguatkuasa, bukan meneken peniaga dan pemborong. Saya percaya ramai antara penternak yang masih cuba memberi tekanan kepada pengguna dengan menaikkan harga ayam di peringkat ladang kononnya kos kenaikan harga dedak ayam, walhal seperti yang saya katakan tadi ada alternatif lain yang digunakan oleh penternak untuk menggantikan dedak ayam walau cuma sementara waktu.

Justeru itu, bagi memastikan tiada masalah lagi timbul tentang harga ayam ini, saya mencadangkan kepada MAFI supaya wujudkan ladang ternakan ayam kerana ayam sudah menjadi sebahagian makanan wajib di atas meja makan untuk setiap rakyat Malaysia. Ini satu cadangan penyelesaian jangka panjang. Gunakan tanah Pusat Fidlot

Nasional di Gemas yang sudah lama terbiar itu, iaitu tanah seluas 5,000 ekar yang selama ini digembar-gemburkan tanah untuk projek ternakan lembu daging apa kata gunakan tanah itu untuk ternak ayam.

Di situ telah lengkap kemudahan untuk ternakan. Gantikan sabaja ternakan 'lembu tak jadi' kepada ternakan ayam. Kerajaan boleh ternak jutaan ayam untuk kegunaan rakyat Malaysia malah boleh mengeksportnya juga.

Di situ, kerajaan sendiri boleh kawal 100 peratus harga ayam malah boleh bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (KPPK) untuk menghasilkan dedak ayam misalnya buah sawit atau kelapa yang sudah diproses untuk penghasilan produk seperti minyak sawit dikitar semula hampasnya untuk penghasilan dedak ayam.

Sebenarnya banyak cara yang kerajaan boleh lakukan, tetapi entahlah, masing-masing mempunyai kepentingan sendiri yang lebih menguntungkan individu berbanding keuntungan bersama untuk rakyat.

Kita sudah lama boleh muncul sebagai pengeksport bekalan ayam halal, tetapi entahlah yang menguruskan Kementerian adakala dilantik secara semborono hingga ia sendiri buntu bagaimana hendak selesaikan sesuatu isu.

Salmy,
Kepong

China institute launches certification for Malaysian durian

PETALING JAYA: The Chinese Academy of Inspection and Quarantine (CAIQ) has launched the Malaysian durian standard and certification "Malaysian Durian Certification Implementation Rules" which aims to protect the interests of durian farmers, operators, and consumers while creating a fair and trustworthy consumption environment.

CAIQ is a Chinese national public institution established to research and develop science and technology applicable in inspection and quarantine.

In a statement, it said the standard is in compliance with the "Regulations of the People's Republic of China on Certification and Accreditation", according to the "World Traceable High-quality Agricultural Product: Malaysia Durian" (T/CASME 13-2021) group standard.

CAIQTEST Malaysia CEO Dr Ch'ng Soo Ee said the quality of Malaysian durians has been recognised by the public due to the growth of domestic durian demand and the improvement of living standards.

"Malaysian durian has great advantages in comparison to other variants in terms of colour, meat quality and taste. However, the price of Malaysian durian is also



authentic, strong smell, delicious pulp and rich nutrition. This has made an effective implementation of the certification even more important.

The review is conducted by experts from different institutes, including the China Academy Of Science (Institute of Agricultural Quality Standards and Testing Technology), the Development Research Center of the State Administration for Market Regulation, China Customs Science and Technology Research Center together with other institutions. These reviews provide the technical support and guarantee for the effective implementation of the Malaysian durian certification.

The standard will help to encourage the Malaysian fruit farmers to increase their investment, improve and develop new durian varieties and improve the quality of durians targeted for export to China.

"This is a game changer as this is among the first standard implemented in line with the 'National Standardization Development Outline' to actively promote the docking and cooperation in the field of standards with countries jointly building the 'Belt and Road,'" Ch'ng said.

authenticate its origin.

The "Malaysian Durian Certification Implementation Rules" formulated by CAIQ have completed the filing with the National Certification and Accreditation Administration (CNCA) and will accept applications for certification from Chinese importers of Malaysian durians and Malaysian exporters from now on.

The demand for durian, which is known as the "King of Fruits" has been gaining traction in China over the last few years, mainly for its

significantly higher than other durian varieties due to the higher transportation costs. Given the strong demand for Malaysian durian and its higher pricing, this has led some unscrupulous importers to confuse the durian origin and variety in order to obtain high profits," she said.

According to Ch'ng, the standard implemented will help to fight against these unscrupulous importers' practices of confusing durian origin as they would require to obtain the Malaysian Durian Certification to

RISING PRICES OF CHICKEN

'EXPLORE ALTERNATIVES
TO GRAIN CORN'

Relying on imported feed ingredients no longer a viable option, says expert

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE rising prices of chicken, driven by the increase in cost of chicken feed, warrants creative solutions to the problems and relying heavily on feed ingredient imports is no longer a viable choice.

Universiti Putra Malaysia's Department of Animal Science and Institute of Tropical Agriculture and Food Security director Professor Datuk Dr Zulkifli Idrus said feed comprised 70 per cent of broiler production costs, with other inputs being labour, medication and vaccines, as well as utilities.

"There is an upward trend in the feed cost and it will remain that way for a while. It has gone up from RM2,100 per tonne in January last year to RM2,700 last month.

"In addition, Malaysia has one of the highest per capita consumption rates for chicken.


"It is the third highest poultry meat consumer in the world, about 50kg per capita. Many of us definitely feel the pinch when there is an increase in chicken prices."

The price of grain corn, which makes up about half of the feed mix, has gone up from about RM700 per metric tonne in March 2017 to RM1,900 per tonne this month.

Meanwhile, the protein ingredient of chicken feed, soybean meal (25 per cent of the mix), cost about RM1,500 per tonne in March 2017, compared with RM2,900 per tonne this month.

Zulkifli said the soaring prices of animal feed were caused by the surge in farming input costs, including fertilisers used for crops, as well as oil and gas, inevitably eating into chicken producers' profits.

Even with the government subsidies on chicken and eggs, some farmers reported that they could barely survive and were forced to shut down operations, he said.



"Chicken farmers in Malaysia depend heavily on imports of grain corn and soybean meal, making the poultry industry very vulnerable.

"While the government has announced its plan to explore grain corn farming, it is a costly venture that could be heavily subsidised.

"There is a need to start exploring alternatives to grain corn, the main carbohydrate source in the feed mix," said Zulkifli, whose expertise areas are poultry production, as well as animal stress biology and welfare.

He said a poultry integrator had shown interest in collaborating with UPM in researching and developing de-shelled palm kernel cake (PKC) to make it less fibrous, which would be easy on chickens' digestive system.

"It could substitute a certain percentage of the grain corn ingredient in the feed mix.

"Malaysia's oil palm plantations produce huge supplies of PKC, but most are for exports, catering mainly for the European cattle industry.

"The government might have to review its trade policies should it decide to utilise PKC for domestic use."

Zulkifli's past researches included the impact of feeding fermented PKC and high dietary fat to broilers, as well as boosting performance of broilers fed with palm kernel expeller feed fortified with supplements.

He had also advocated the use of black soldier fly larvae as a source of protein in chicken feed.

"Black soldier flies are different

from house flies as the former feed on nectar.

"The black soldier fly larvae feed on wastes. In a way, it could also address waste management issues as it could consume twice its body mass.

"The consistency of nutritional quality, however, differs depending on the types of waste fed to the larvae, so they should be controlled.

"The larvae will be processed into powder form before it can be used.

"Some people would cringe at the thought of using them as part of feed mix, but in a natural setting, chicken also

feed on insects (apart from grains and vegetables)."

He said the issue did not only concern the Agriculture and Food Industries Ministry and the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, but it also needed a concerted effort from various agencies to ensure the industry's sustainability and the country's food security.

"Business should not be as usual, even when the prices of chicken stabilise following the implementation of the government's initiatives, like imports of whole frozen chicken and enforcing ceiling prices. They are temporary measures and not sustainable in the long run.

"I hope the government will be persistent in seeking long-term solutions, in particular addressing the poultry industry's dependency on imports of feed grain."



Professor Datuk Dr
Zulkifli Idrus

Kerajaan perlu pantau harga ayam peringkat pemborong, penternak

KUALA LUMPUR: Kerajaan diharap memantau harga siling ayam bukan sahaja di peringkat peruncit, bahkan di peringkat pemborong dan penternak.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pantauan itu perlu dibuat bagi mencari punca kenaikan harga ayam sehingga melebihi harga siling yang ditetapkan, iaitu RM8.90 bagi sekilogram ayam.

“Pihak kerajaan juga perlu memantau di peringkat ladang dan juga peringkat pemborong sebab kawalan yang kerajaan tetapkan itu ialah dari segi ladang, pemborong dan peruncit.

“Jadi kena lihat juga dari segi harga di ladang dan juga harga pada pemborong supaya boleh dilihat sama ada pihak ini menjual melebihi harga siling ditetapkan kerajaan atau tidak,”



Mohd Yusof Abdul Rahman

katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Menurut Mohd Yusof, situasi sebegini sering berlaku apabila tiba musim perayaan dan terdapat pihak yang mendapat keuntungan lebih.

Justeru katanya, bagi mengelakkan terdapat pihak yang mengaut keuntungan berlebihan, kerajaan akan mengumumkan harga siling sebelum atau semasa musim perayaan.